

# Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab (SPBA) dalam Kelas Berdasarkan Perbezaan Jantina dalam Kalangan Pelajar Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnipSAS)

**BITARA**

Volume 7, Issue 1, 2024: 283-295  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 2 February 2024  
Accepted: 28 February 2024  
Published: 30 March 2024

## [The Use of Strategies for Arabic Language Learning in Class Based on Gender Differences among Sultan Ahmad Shah Pahang Islamic University Students]

Mohamad Ismail<sup>1</sup>, Norahida Mohamed<sup>1\*</sup> & Mohd Fairuz Ali<sup>1</sup>

1 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (Unipsas), Km 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang MALAYSIA E-mail: madjqaf11@gmail.com; norahida@unipsas.edu.my; mfairuz@unipsas.edu.my

\*Corresponding Author: norahida@unipsas.edu.my

### Abstrak

Strategi pembelajaran bahasa (SPB) memainkan peranan penting dalam membantu pelajar menguasai bahasa asing dengan lebih efektif. Setiap pelajar perlu mempunyai strategi pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran berbahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Walau bagaimanapun, sebahagian besar pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) terutamanya dalam aliran pengajian Islam belum menguasai kemahiran berbahasa walaupun telah mempelajari bahasa Arab sejak berada di sekolah rendah. Selain itu, punca pelajar tidak berminat terhadap pembelajaran bahasa Arab yang menyebabkan kelemahan pencapaian gred bagi subjek bahasa Arab kerana kurangnya kesedaran pelajar terhadap kepentingan penggunaan SPB. Hal ini menyebabkan pelajar tidak dapat mengetahui kesesuaian dan keberkesanannya sesuatu strategi terhadap diri mereka. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Arab (SPBA) di dalam kelas yang paling kerap digunakan oleh pelajar serta mengenal pasti tahap strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah semasa di dalam kelas berdasarkan perbezaan jantina. Seramai 152 orang pelajar Unipsas terlibat dalam kajian ini. Data kajian dikumpulkan melalui instrumen soal selidik, kemudian dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas berdasarkan perbezaan jantina dalam kalangan pelajar Unipsas adalah sederhana tinggi. Hasil analisis ujian-t pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan penggunaan SPBA di dalam kelas berdasarkan jantina. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan pelajar lelaki lebih kerap menggunakan strategi pembelajaran bahasa berbanding pelajar perempuan. Implikasi kajian ini dapat membantu para pelajar dan guru dalam mempelbagaikan strategi pembelajaran bahasa di dalam kelas bagi meningkatkan tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab.

**Kata kunci:** Strategi Pembelajaran Bahasa, Bahasa Arab, Jantina, Strategi di Dalam Kelas

### Abstract

**Abstract:** Language learning strategies (LLS) play a crucial role in helping students master foreign languages more effectively. Every student needs to have learning strategies to enhance language skills such as listening, speaking, reading, and writing. However, many students in higher education institutions, particularly in Islamic studies, have not mastered language skills despite studying Arabic

since elementary school. Additionally, a lack of interest in learning Arabic has led to poor academic performance in the subject, largely due to students' unawareness of the importance of using LLS. This results in students being unable to recognize the appropriateness and effectiveness of various strategies for themselves. Therefore, this study was conducted to identify the Arabic language learning strategy (SPBA) in class that is most often used by students as well as to identify the level of Arabic language learning strategy among students of the Sultan Ahmad Shah Pahang Islamic University while in class based on gender differences. Participants in the study included 152 students from the Faculty of Islamic Studies. A questionnaire was used to gather data and descriptive methods were used for analysis. The results of the study show that the level of use of Arabic language learning strategies in the classroom based on gender differences among UnipSAS students is moderately high. The results of the t-test analysis show that there is no significant difference in the use of SPBA in class based on gender. In addition, the findings of the study show that male students use language learning strategies more often than female students. The findings of the study emphasize the necessity for lecturers and students to maximize and vary language learning strategies in the classroom in order to promote a higher level of proficiency in Arabic.

**Keywords:** Language Learning Strategies, Arabic Language, Gender, In-Class Strategies

**Cite This Article:**

Mohamad Ismail, Norahida Mohamed & Mohd Fairuz Ali. (2024). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab (SPBA) dalam Kelas Berdasarkan Perbezaan Jantina dalam Kalangan Pelajar Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnipSAS) [The Use of Strategies for Arabic Language Learning in Class Based on Gender Differences among Sultan Ahmad Shah Pahang Islamic University Students]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 283-295.

## Pengenalan

Pengajian bahasa Arab di Malaysia telah melalui beberapa fasa perkembangan bermula daripada sistem pendidikan tradisional hingga ke pendidikan formal yang lebih berstruktur. Perkembangan ini bermula sejak kedatangan Islam dengan pengajaran awal yang dilakukan di madrasah dan institusi pondok. Pada masa kini, bahasa Arab di Malaysia diajar di seluruh institusi pendidikan bermula daripada pendidikan rendah dan menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Malah bahasa Arab turut dipelajari oleh masyarakat awam dalam pelbagai bentuk pengajian (Fadzil et al., 2022).

Kajian berkaitan strategi pembelajaran telah banyak dijalankan sama ada dalam bidang pembelajaran bahasa dan bidang ilmu-ilmu yang lain seperti matematik, fizik, sains dan biologi. Hasil dapatan daripada kajian-kajian tersebut memberi impak positif kepada pencapaian pelajar yang mempelbagaikan strategi pembelajaran mereka. (Samat et al., 2017).

Kajian terhadap strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar penting kerana ia dapat membantu pendidik dan pelajar untuk membentuk proses pengajaran dan pembelajaran dengan efisien dan lebih menyeronokkan. Ia juga dapat membantu pelajar untuk mempelajari dan menguasai bahasa asing seperti bahasa Arab. SPB juga dapat membentuk pelajar berdikari dalam mempelajari bahasa tanpa bantuan daripada guru (Mahamod et al., 2016).

Permasalahan lain yang timbul dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa ini adalah kegagalan pelajar memperoleh gred yang memuaskan dalam penilaian bahasa Arab. Antara faktor yang menyebabkan kegagalan tersebut ialah pelajar tidak berminat belajar bahasa

Arab, persekitaran pembelajaran bahasa Arab yang tidak memuaskan dan pendekatan pengajaran bahasa Arab yang tidak pelbagai (Abdul Pisal & Mat Teh, 2018).

Kajian juga mendapati pelajar yang menggunakan lebih banyak strategi pembelajaran bahasa pada kebiasaannya dikatakan lebih cemerlang dalam pembelajaran bahasa. Namun demikian, tidak semua pelajar cenderung menggunakan sesuatu strategi dengan cara dan kekerapan yang sama. Ia dipengaruhi oleh faktor jantina dalam pemilihan sesuatu strategi bergantung kepada minat, kecenderungan dan tingkah laku seseorang individu dalam proses pembelajaran bahasa (Abdul Pisal & Mat Teh, 2018). Oleh kerana itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas yang paling kerap digunakan oleh pelajar serta mengenal pasti tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar UnIPSAS berdasarkan perbezaan jantina.

## Kajian Lepas

Pembelajaran merupakan kecenderungan dan cara seseorang itu memproses maklumat yang disampaikan oleh guru. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza mengikut minat dan kemampuan masing-masing. Pembelajaran yang menarik minat dan mudah akan menjadi faktor terpenting dalam memastikan sesuatu ilmu itu boleh difahami dan diingati dalam jangka masa yang lama. (Osman, 2018).

Strategi pembelajaran bahasa adalah salah satu cara belajar bahasa di dalam kelas yang dapat membantu pelajar menggunakan strategi yang berkesan untuk menguasai bahasa. Ia berkait rapat dengan cara pelajar merancang pembelajaran sama ada di dalam kelas, di luar kelas ataupun ketika mereka menghadapi peperiksaan. Malah, SPB juga mempengaruhi pengurusan, cara dan amalan belajar dalam kalangan pelajar (Mat Teh & Mat Nafi, 2014).

Kesedaran pelajar terhadap penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang merangkumi pelbagai kemahiran berbahasa seperti kemahiran sebutan penting dalam meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur. Guru bahasa Arab juga perlu berperanan untuk mendorong pelajar mempelajari dan menguasai kemahiran berbahasa Arab. Hal ini juga mampu memupuk minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab serta membina keyakinan diri dan menghilangkan rasa malu apabila melakukan kesalahan sewaktu berkomunikasi (Mohd Yunus, N., & Baharudin, H., 2024).

Selanjutnya, kajian strategi pembelajaran bahasa Arab dilakukan oleh Kamarul Shukti Mat Teh et al., (2009) mengenai “hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan tahap penguasaan bahasa Arab”. Kajian ini bertujuan mengkonsepsikan pola penggunaan SPB oleh pelajar sekolah menengah agama berdasarkan tahap penguasaan bahasa Arab dan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan dalam penggunaan SPB. Kajian ini dijalankan kepada tiga kumpulan pelajar iaitu pelajar cemerlang, sederhana dan lemah. Hasil kajian menunjukkan pelajar cemerlang paling kerap menggunakan SPB. Namun tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa adalah sederhana. Strategi tampungan, strategi metafizik dan strategi afektif merupakan strategi utama yang digunakan oleh ketiga-tiga kumpulan. Walau bagaimanapun, tahap penggunaan strategi tersebut adalah rendah.

Kajian Strategi Pembelajaran Bahasa Arab juga dijalankan kepada kumpulan pelajar Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Akademi Pengajian Islam Universiti

Malaya (APIUM) Nilam Puri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan SPB secara keseluruhan yang sederhana. Hal ini disebabkan oleh faktor-faktor sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab, peranan guru dan pensyarah dalam mempengaruhi penggunaan SPB serta sistem pembelajaran yang berorientasi peperiksaan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Penggunaan SPB pelajar secara keseluruhan adalah sederhana.

Strategi metafizik merupakan strategi yang paling kerap digunakan oleh pelajar, manakala strategi memori pula adalah strategi yang paling kurang digunakan oleh mereka. Ketiadaan perbezaan yang signifikan pada penggunaan strategi pembelajaran bahasa oleh pelajar berdasarkan jenis IPT menunjukkan bahawa jenis IPT bukanlah menjadi faktor kepada penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar (Nafi, & bin Mat Teh, 2017).

Yasin et al. (2023) pula mengkaji tentang pentingnya pembelajaran bahasa Arab dan strategi yang dapat diterapkan pada gaya belajar generasi milenial. Metode yang digunakan adalah kajian kepustakaan melalui pendekatan analisis deskriptif. Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah dokumentasi. Hasil penelitian ini dapat disimpulkan bahawa generasi pada masa kini memiliki gaya belajar yang cukup berbeza dengan generasi sebelumnya. Oleh kerana itu, sangat penting menerapkan beberapa strategi yang dapat digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab yang antara lain pembelajaran model literasi, pembelajaran hybrid, model pembelajaran sepanjang hayat dan pembelajaran fleksibel.

Kajian strategi pembelajaran bahasa di dalam kelas pula dilakukan oleh Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi (2005) dalam artikelnya yang bertajuk “Strategi pembelajaran bahasa Melayu mengikut jantina di luar kelas”. Kajian ini menjelaskan satu dapatan kajian tentang kepelbagaian strategi belajar yang digunakan oleh pelajar lelaki dan perempuan ketika belajar bahasa Melayu di luar kelas berdasarkan kemahiran bahasa (mendengar, bertutur, membaca dan menulis).

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes menggunakan temu bual yang melibatkan empat orang pelajar cemerlang dan empat orang pelajar lemah yang mewakili kedua-dua jantina bagi mengumpul data. Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian menggunakan pelbagai pola strategi pembelajaran bahasa ketika belajar bahasa Melayu di luar kelas. Dari segi jenis pelajar, pelajar cemerlang didapati menggunakan pelbagai pola strategi pembelajaran bahasa berbanding pelajar lemah seperti pola penghayatan agama, aktiviti bahasa dan teknologi maklumat ketika di luar kelas. Pelajar lelaki lebih banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa dalam kemahiran mendengar, bertutur dan menulis berbanding pelajar perempuan dalam kemahiran membaca ketika belajar bahasa Melayu di luar kelas (Mahamod, & Embi, 2005).

Mahamod & Embi (2005) dalam artikel lain yang bertajuk “Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Untuk Menguasai Kemahiran Membaca” mendapati pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan SPB dalam kemahiran membaca ketika belajar BM di dalam kelas. Pelajar cemerlang bukan sahaja menggunakan strategi yang berkaitan dengan kemahiran membaca secara langsung, bahkan juga strategi yang tidak berkaitan dengan kemahiran membaca. Ini termasuklah SPB yang dikelompokkan dalam pola penghayatan agama. Kajian lain yang menggunakan model Mohamed Amin ialah kajian yang dilakukan oleh Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2017). Kajian yang dilaksanakan kepada

pelajar di Jerman mendapati pelajar lebih kerap menggunakan strategi pembelajaran bahasa Melayu semasa di dalam kelas berbanding di luar kelas dan semasa menghadapi peperiksaan. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu hanyalah terhad semasa di dalam kelas.

Faktor jantina turut memainkan peranan dalam pemilihan sesuatu strategi. Perbezaan jantina antara lelaki dan perempuan dapat mempengaruhi minat, kecenderungan dan tingkah laku seseorang individu dalam proses pembelajaran bahasa (Abdul Pisal & Mat Teh (2018).). Salah satu kajian berkaitan SBP telah dijalankan terhadap pelajar prasiswazah di Prince of Songkhla University, Patani berdasarkan jantina, tahun pengajian dan tahap pencapaian. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan faktor jantina dan tahun pengajian dengan SPB mengikut kemahiran bahasa. Dari segi hubungan pula, tidak terdapat hubungan antara SPB mengikut kemahiran bahasa dengan tahun pengajian dan tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa SPB yang digunakan oleh pelajar tidak mempengaruhi pembelajaran pelajar berdasarkan jantina, tahun pengajian dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar Pengajian Bahasa Melayu di PSU. (Sabri, 2018).

## **Metodologi Kajian**

Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk tinjauan. Populasi bagi kajian ini adalah semua pelajar aktif bagi program diploma di Fakulti Pengajian Islam di UnIPSAS pada semester dua sesi 2023/2024 seramai 474. Pemilihan pelajar di Fakulti Pengajian Islam adalah berdasarkan justifikasi bahawa kumpulan pelajar ini mempelajari kursus Bahasa Arab Asas dan Bahasa Arab Lanjutan serta dianggap telah melalui proses strategi pembelajaran bahasa Arab dan boleh memberi pandangan mengenai strategi tersebut. Melalui prosedur pensampelan rawak mudah, seramai 152 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel kajian.

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik berkaitan strategi pembelajaran bahasa yang diambil daripada kajian Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli (2015) yang mengubah suai soal selidik Mohamed Amin Embi (2000). Soal selidik mengandungi dua seksyen iaitu seksyen I dan seksyen II. Seksyen I berkaitan maklumat demografi untuk mengumpul maklumat data responden. Terdapat empat komponen yang perlu diisi oleh responden iaitu umur, jantina, jabatan pengajian, dan tempoh mempelajari bahasa Arab. Seksyen II mengenai SPBA merangkumi empat bahagian iaitu Bahagian A semasa di dalam kelas (DDK), Bahagian B semasa di luar kelas (DLK), bahagian C semasa menghadapi peperiksaan (PEP). Soal selidik kajian ini menggunakan Skala Likert disusun dari 1 hingga 5 iaitu dari sangat tidak setuju hingga sangat setuju. Dalam artikel ini, hanya item berkaitan strategi pembelajaran bahasa di dalam kelas akan dianalisis.

## **Dapatan Kajian**

### **Demografi Responden**

Kajian ini melibatkan seramai 152 orang pelajar dengan pelbagai latar belakang seperti jantina. Profil demografi responden secara terperinci diuraikan seperti Jadual 1. Jadual 1 menunjukkan

daripada sejumlah 152 orang responden, 83 orang adalah terdiri daripada pelajar perempuan dengan peratus sebanyak 54.6%, manakala seramai 69 orang mewakili pelajar lelaki yang dengan peratusan sebanyak 45.4%.

Jadual 1: Profil Responden Mengikut Jantina

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Perempuan	83	54.6%
Lelaki	69	45.4%

### **Kekerapan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar UnipSAS**

Dapatan bagi objektif mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Arab DDK yang paling kerap digunakan oleh pelajar adalah seperti berikut:

Jadual 2: Kekerapan dan Peratusan Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas.

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Kod</b>	<b>Item</b>	<b>Kekerapan dan Peratusan</b>				
			<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
Strategi pembelajaran bahasa Arab semasa di dalam kelas (DDK)	DDK1	Saya membaca buku latihan sebelum pelajaran bermula.	1 (0.7)	24 (15.8)	0 (0)	111 (73)	16 (10.5)
	DDK2	Saya melakukan latihan dalam buku teks/buku kerja terlebih dahulu.	2 (1.3)	28 (18.4))	0 (0)	98 (64.5)	24 (15.8)
	DDK3	Saya duduk berhampiran dengan seseorang yang pandai dalam Bahasa Arab.	1 (0.7)	12 (7.9)	0 (0)	71 (46.7)	68 (44.7)
	DDK4	Saya duduk di hadapan untuk mendapatkan	0 (0)	36 (23.7)	0 (0)	81 (53.3)	35 (23.0)

perhatian  
pensyarah.

DDK5	Apabila pensyarah sedang mengajar saya memberi sepenuh perhatian.	0 (0)	6 (3.9)	0 (0)	103 (67.8)	43 (28.3)
DDK6	Jika saya tidak memahami penjelasan pensyarah, saya meminta beliau mengulanginya.	0 (0)	25 (16.4)	0 (0)	93 (61.2)	34 (22.4)
DDK7	Jika saya tidak memahami penjelasan pensyarah, saya meminta rakan saya untuk menerangkan kepada saya.	0 (0)	4 (2.6)	0 (0)	89 (58.6)	59 (38.8)
DDK8	Saya menawarkan diri untuk menjawab soalan yang ditanya oleh pensyarah walaupun beliau tidak memanggil saya.	2 (1.3)	55 (36.2)	0 (0)	79 (52)	16 (10.5)
DDK9	Saya menawarkan diri untuk menjawab soalan apabila saya pasti dengan jawapannya.	0 (0)	24 (15.8)	0 (0)	90 (59.2)	38 (25)

DDK10	Apabila pensyarah bertanya soalan kepada pelajar lain, saya menjawabnya secara senyap.	1 (0.7)	35 (2.3)	0 (0)	85 (55.9)	31 (20.4)
DDK11	Jika saya tidak faham apa-apa perkataan yang digunakan semasa pengajaran, saya menggunakan kamus.	0 (0)	25 (16.4)	0 (0)	93 (61.2)	34 (22.4)
DDK12	Ketika pengajaran Bahasa Arab, saya bercakap dalam bahasa Arab sahaja.	17 (11.2)	98 (64.5)	0 (0)	31 (20.4)	6 (3.9)
DDK13	Jika saya tidak memahami sesuatu yang diajar di dalam kelas, saya meminta rakan-rakan jelaskan kepada saya selepas kelas.	0 (0)	11 (7.2)	0 (0)	99 (65.1)	42 (27.6)
DDK14	Saya mengulang kaji kerja-kerja yang dilakukan di dalam kelas selepas setiap kali pengajaran bahasa Arab.	1 (0.7)	34 (22.4)	0 (0)	93 (61.2)	24 (15.8)
DDK15	Semasa	0	13	0	103	36

	pengajaran berlangsung,	(0)	(8.6)	(0)	(67.8)	(23.7)
	saya mendengar dengan teliti cara pensyarah bercakap dalam Bahasa Arab.					
DDK16	Saya menterjemahkan apa-apa yang saya dengar semasa proses pembelajaran bahasa Arab dalam bahasa ibunda saya.	0 (0)	27 (17.8)	0 (0)	92 (60.5)	33 21.7
DDK17	Jika saya tidak boleh menjawab soalan yang ditanya oleh guru, saya meminta bantuan daripada rakan-rakan yang duduk berhampiran.	0 (0)	9 (5.9)	0 (0)	107 (70.4)	36 (23.7)
DDK18	Saya cuba memberanikan diri untuk bercakap bahasa Arab	20 (13.2)	0 (0)	101 (66.4)	31 (20.4)	

Terdapat 18 item berkenaan strategi pembelajaran bahasa Arab semasa di dalam kelas. Strategi pembelajaran bahasa Arab yang paling kerap digunakan oleh pelajar ialah *Jika saya tidak memahami penjelasan pensyarah, saya meminta rakan saya untuk menerangkan kepada saya* (DDK7). Strategi ini digunakan seramai 148 (97.3%) orang pelajar. Selain itu, didapati strategi kedua yang paling kerap digunakan oleh pelajar di dalam kelas ialah *Jika saya tidak boleh menjawab soalan yang ditanya oleh guru, saya meminta bantuan daripada rakan-rakan yang duduk berhampiran* (DDK17). Seramai 143 (94.1%) orang pelajar telah bersetuju dengan item ini.

Manakala strategi yang paling kurang digunakan oleh pelajar ketika mempelajari bahasa Arab di dalam kelas ialah strategi *Ketika pengajaran bahasa Arab, saya bercakap dalam bahasa Arab sahaja* (DDK12). Seramai 117 (75.7%) pelajar tidak menggunakan strategi ini. Strategi lain yang kurang diberikan perhatian oleh pelajar ialah *Saya menawarkan diri untuk menjawab soalan yang ditanya oleh pensyarah walaupun beliau tidak memanggil saya* DDK 8. Seramai 57 (37.5%) pelajar tidak menggunakan strategi ini.

## Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab

Secara keseluruhannya tahap strategi pembelajaran bahasa Arab (SPBA) di dalam kelas berdasarkan perbezaan jantina dalam kalangan pelajar Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) adalah seperti jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Tahap Strategi Pembelajaran Bahasa di Dalam Kelas Berdasarkan Jantina

Pemboleh Ubah	Jantina	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Strategi Pembelajaran Bahasa di Dalam Kelas	Perempuan	83	3.78	0.471	Sederhana Tinggi
	Lelaki	69	3.91	0.537	Sederhana Tinggi

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa tahap strategi pembelajaran bahasa Arab mengikut jantina adalah sederhana tinggi dengan nilai min bagi pelajar perempuan 3.78 dan sisihan piawai 0.471. Manakala nilai min bagi pelajar lelaki ialah 3.91 dan sisihan piawai 0.537. Tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa bagi perempuan adalah sama dengan tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa bagi pelajar lelaki ( $M=3.61$ ;  $SP=0.89$ ).

Keputusan analisis ujian-t sampel-sampel bebas pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan keseluruhan strategi antara kumpulan pelajar lelaki dan kumpulan pelajar perempuan ( $t= -1.59$ ,  $p> 0.05$ ). Maklumat lanjut dipaparkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Berdasarkan Perbezaan Jantina

Strategi	Nilai t	Sig
Strategi Pembelajaran Bahasa di Dalam Kelas	-1.59	0.114

## Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan strategi yang paling kerap digunakan oleh pelajar ialah strategi berkaitan dengan meminta bantuan dari rakan dalam kelas sama ada ketika tidak memahami sesuatu tajuk atau ketika menjawab soalan yang ditanya oleh pensyarah dalam kelas.

Strategi ini banyak digunakan pelajar kerana kemungkinan ada antara pelajar yang bimbang atau malu untuk bertanya kepada pensyarah di dalam kelas. Justeru, mereka mengambil inisiatif untuk bertanya kepada rakan di dalam kelas mengenai tajuk yang tidak difahami. Begitu juga jika pelajar menghadapi masalah untuk menjawab soalan yang ditanya oleh pensyarah, mereka akan meminta bantuan daripada rakan yang duduk berhampiran. Oleh kerana itu, didapati strategi kedua yang paling kerap digunakan oleh pelajar di dalam kelas ialah *Jika saya tidak boleh menjawab soalan yang ditanya oleh guru, saya meminta bantuan daripada rakan-rakan yang duduk berhampiran (DDK17)*. Dapatkan ini adalah selari dengan kajian Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2016) yang menunjukkan item bertanya kepada rakan merupakan strategi yang paling kerap digunakan di dalam kelas.

Faktor pelajar memilih untuk bertanya kepada rakan jika tidak memahami tajuk atau ketika menjawab soalan boleh disebabkan oleh sikap malu. Kajian yang dilakukan oleh Yohan Kurniawan et.al. (2012) menunjukkan bahawa pelajar malu atau takut untuk bertanya kerana sifat pemalu ini terbentuk sejak kecil dan terbawa sehingga dewasa. Faktor lain yang menyebabkan pelajar lebih selesa bertanya dengan rakan sekelas kerana mereka tidak pasti dengan soalan yang hendak diajukan walaupun terdapat keinginan untuk bertanya kepada pensyarah. Selain itu, pelajar juga tidak bertanya kepada pensyarah kerana tidak mahu mereka dinilai sebagai menunjuk pandai kepada rakan-rakan sekelas (Yohan Kurniawan et.al., 2012). Strategi yang paling kurang digunakan ialah strategi berkaitan kemahiran bertutur. Faktor kurangnya penggunaan strategi bertutur di dalam bahasa Arab disebabkan oleh kelemahan penguasaan pelajar dalam kemahiran bertutur bahasa Arab. Sedangkan bertutur dalam kelas dengan menggunakan bahasa Arab merupakan salah satu inisiatif daripada pensyarah dan pelajar untuk mewujudkan persekitaran bahasa Arab. Dapatkan ini disokong oleh kajian Siti Marpuah dan Habibah Awang (2017) yang memetik dapatan kajian Zulhannan yang mendapati masih ramai pelajar-pelajar di sekolah menengah agama lemah dalam kemahiran bertutur kerana tidak mengetahui strategi pembelajaran bahasa Arab yang berkesan.

Tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa bagi kursus bahasa Arab berdasarkan perbezaan jantina dalam kalangan pelajar UnIPSAS pula adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Hasil analisis ujian-t pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan penggunaan SPBA berdasarkan jantina. Pelajar lelaki didapati lebih banyak dan kerap menggunakan strategi pembelajaran bahasa berbanding pelajar perempuan. Dapatkan ini adalah selari dengan kajian Nur Syafina Mohd Sabri (2018) yang mendapati tidak terdapat perbezaan faktor jantina dan tahun pengajian dengan SPB mengikut kemahiran bahasa dan dapatan yang berkaitan pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB. Walau bagaimanapun, dapatan kajian yang menunjukkan pelajar lelaki lebih banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa berbeza dan tidak selari dengan dapatan kajian-kajian lepas seperti Jelas et al. (2005), Abdul Pisal & Mat Teh (2018) dan Noor Zuhidayah & Siti Saniah (2016) yang mendapati pelajar perempuan lebih ramai menggunakan SPB berbanding pelajar lelaki. Hal ini juga menunjukkan bahawa keperluan dan gaya pembelajaran pelajar lelaki adalah berbeza dengan pelajar perempuan. Justeru, pendekatan yang bersesuaian perlu diambil oleh pendidik untuk memaksimumkan penggunaan SPB pelajar lelaki dan perempuan bagi menguasai kemahiran bahasa Arab.

## Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini telah mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Arab yang paling kerap dan kurang digunakan oleh pelajar di UnIPSA. Tahap strategi pembelajaran bahasa yang sederhana tinggi menunjukkan pelajar menjadikan rakan berbanding pensyarah jika tidak memahami sesuatu topik pelajaran. Oleh itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pensyarah bagi meningkatkan kemahiran berbahasa Arab semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Tindakan yang boleh diambil oleh pensyarah adalah mempelbagaikan kaedah pengajaran agar strategi pembelajaran pelajar di dalam kelas dapat ditingkatkan dengan lebih baik dan berkesan.

## Rujukan

- Abdul Pisal, N., & Mat Teh, K. S. (2018). Perbezaan Jantina Dalam Penggunaan Strategi Pembelajaran Kemahiran Berbahasa Arab. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(1), 143-153. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp143-153>
- Fadzil, N. A., Jaafar, N., & Rofiee, M. M. (2022). Hubungan sikap pelajar terhadap penguasaan bahasa Arab. *Jurnal 'Ulwan*, 7(2), 154-172.
- Jelas, Z. M., Rahman, S., Baki, R., & Ahmad, J. (2005). Prestasi akademik mengikut gender. *Jurnal pendidikan*, 30(2005), 93-111.
- Kurniawan, Y., Zakaria, K., & Abdullah, W. M. W. (2012). Mengapa Pelajar Takut Bertanya dalam Kuliah?: Sebuah Kajian di Universiti Malaysia Kelantan. *Jurnal Personalia Pelajar*. (15) 13-22.
- Mahamod, Z., Ghani, K. A. A., & Mohammad, W. M. R. W. (2016). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Berdasarkan Sikap Dan Kemahiran Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 38-51.)
- Mat Teh , K. S., & Mat Nafi, L. (2014). Strategi Pembelajaran Bahasa: Satu Pengenalan Konsep Dan Model. *Jurnal KIAS*, 9(1), 172 - 197. Retrieved from <http://ejournals.kias.edu.my/index.php/jurnalkias/article/view/116>.
- Mohd Yunus, N., & Baharudin, H. (2024). Strategi Pembelajaran Sebutan Bahasa Arab dalam Kemahiran Bertutur Pelajar di Sekolah Agama Menengah (SAM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(4), e002780. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i4.2780>.
- Nafi, L. M., & bin Mat Teh, K. S. (2017). Kepelbagaian penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab (SPBA) dalam kalangan pelajar IPT Kelantan. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 3, 1-8.)
- Noor Zuhidayah & Siti Saniah. (2016). Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Jerman. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 10-19.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli. (2015) Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Jerman. Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Osman, J., Bebe Mohamad, J., Ahmad, A. N., & Razali, J. R. (2018). Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Di Universiti Malaysia Pahang. *PENDETA*, 9, 61–79. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.6.2018>

- Sabri, N. S. M. (2018). Strategi Pembelajaran Bahasa Pelajar Prasiswazah Pengajian Bahasa Melayu Di Prince Of Songkhla University, Pattani Berdasarkan Jantina, Tahun Pengajian Dan Tahap Pencapaian, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(3), 1-12.
- Samat, S. A., Abdullah, S., & Ghani, K. A. (2017). Penggunaan strategi pembelajaran nahu bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di negeri Perak. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 3, 1-11.
- Siti Marpuah & Habibah Awang. (2017) Kaedah Aktif Komunikatif dalam Penguasaan Komunikasi Bahasa Asing. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017(INSAN2017)*Ayer Keroh, Malacca, Malaysia, 1–13
- Teh, K. S. M., Yusoff, N. M. R. N., Embi, M. A., & Mahamod, Z. (2009). Hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan tahap penguasaan bahasa Arab. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 41-56.
- Yasin, A., Fadlurrahman, F., Sayadi, S., & Muhammad, M., 2023). Urgensi Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Di Era Milennial (The Urgency Of Arabic Learning Strategies In The Millennial Era). *Innovative: Journal Of Social Science Research*, 3(2), 275–286.